

Gema muzik orkestra & koir

Persembahan Tangsestra X Orkestra Kuala Lumpur jadi penanda aras kepada konsep baharu hiburan.



Pemuzik orkestra DBKL berjaya menghasilkan gabungan rentak mengikut lagu yang dimainkan oleh setiap kumpulan muzik tempatan.

GABUNGAN kumpulan muzik tempatan bersama orkestra merupakan sebuah konsep persembahan yang jarang diadakan di Malaysia.

Malah, ia adalah sesuatu yang berpotensi tinggi untuk menambahkan lagi warna-warni industri hiburan khususnya irama lagu dan muzik.

Baru-baru ini telah berlangsung sebuah konsert diberi nama *Tangsestra X Orkestra Kuala Lumpur* yang menjadi penanda aras kepada konsep dan suasana baharu.

Dianjurkan oleh Tangsirama, acara tersebut diadakan di Panggung Anniversari, Taman Botaniikal Perdana, Kuala Lumpur.

Ia menampilkan sebuah persembahan mantap daripada kumpulan muzik tempatan yang digabungkan bersama orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah kendalian Dr. Isabella Pek dan Isa Ismail.

Kolaborasi epik itu membuka dimensi baharu kepada pemain industri bahawa perkongsian pintar dan mekanisme yang diwujudkan itu mampu direalisasikan.

Bukan sekadar acara muzik, ia merupakan gabungan idea, perayaan paduan dan bukti kerjasama mantap dalam menghasilkan sesuatu yang besar dalam industri tempatan. Bahkan, ia mencipta sebuah fenomena didorong oleh mereka berjiwa seni.

Tujuh kumpulan muzik tempatan terlibat pada konsert muzikal itu ialah Damn Dirty Apes, Tres Empre, Dirgahayu dan Kias serta disusuli Ufuk Raya dan Seru.

Pemodenan

Walaupun kumpulan berkenaan masih mengekalkan cara permainan rentak muzik masing-masing, dendangan bunyi daripada pelbagai peralatan muzik orkestra sedikitpun tidak mencacatkan persembahan.

Berlandaskan kepakaran dan bakat seni pemuzik, orkestra tersebut memperhebatkan lagi persembahan pada setiap kumpulan.

Secara tidak langsung, bunyi yang dihasilkan bertukar daripada alunan melodi tradisional kepada harmoni kontemporari, seiring pemodenan warisan budaya di bandar Kuala Lumpur.

Ini termasuk elemen nyanyian kum-



Alunan koir diketuai oleh Sarah sepanjang persembahan *Tangsestra X Orkestra Kuala Lumpur* berlangsung.

pulan koir digabungkan bersama ketika persembahan berlangsung.

Diketuai oleh pengasas platform The Sound Collective, Sarah Imran, beliau berjaya menghasilkan alunan suara merdu yang memukau setiap telinga yang mendengarnya.

Dengan itu, konsert Tangsestra telah menunjukkan kuasa perkongsian dalam memupuk kreativiti dan inovasi sambil membuka jalan kepada pengkarya seni muzik untuk sinergi masa depan.

Rata-rata penonton melahirkan rasa puas dengan setiap persembahan sehingga ada dalam kalangan mereka tidak percaya bahawa konsert hebat seperti itu wujud di Malaysia.

Menurut hantaran seorang pempengaruh di aplikasi X @Elmielmo, beliau mengucapkan tahniah kepada pihak Rumah Tangsi atas kejayaan membawa senario muzik rock Malaysia ke satu tahap lain pada malam tersebut.

Inisiatif daripada Tangsirama untuk mengumpulkan individu daripada pelbagai latar belakang budaya dan kaum yang memiliki semangat kecintaan dan minat terhadap muzik wajar disanjung.

Ini adalah kerana platform itu telah memperlihatkan pengukuhan dari segi

kepercayaan terhadap bakat tanpa had dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kerjasama Orkestra Kuala Lumpur dengan Tangsestra menandakan gabungan dan sokongan yang baik daripada pihak kerajaan dan swasta.

Penglibatan DBKL juga memperkuat lagi usaha inovatif Tangsestra yang komited memupuk semangat budaya dalam menjalankan pelbagai aktiviti di Kuala Lumpur.

Persembahan bertenaga daripada vokalis Tree Empre.



Barisan koir daripada The Sound Collective.

